



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN PETA I-THINK DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MENULIS KARANGAN
BAHASA MELAYU**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

WAN NORHALIESHA BINTI WAN ROZEIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN PETA I-THINK DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU**

WAN NORHALIESHA BINTI WAN ROZEIMAN

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



PERAKUAN

Bahawasanya saya mengakui sesungguhnya kertas projek ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

Nama : Wan Norhaliesha binti Wan Rozeiman.

No.Pelajar : D20191087842

Program : Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu

Fakulti : Fakulti Bahasa dan Komunikasi



Tajuk :Penggunaan Peta i-Think dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis
Karangan Bahasa Melayu

Tandatangan:

.....
WAN NORHALIESHA BINTI WAN ROZEIMAN

D20191087842

Tarikh:





PENGESAHAN

PENGUNAAN PETA I-THINK DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU



D20191087842

Projek Tahun Akhir ini telah diterima oleh Program Bahasa Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian.

.....
Dr. Alizah binti Lambri

Pensyarah Penyelia

Tarikh:





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah penulis menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dapat diatasi dengan jayanya. Semua permasalahan ini menjadikan penulis sebagai insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan turut ditujukan kepada Dr. Alizah binti Lambri selaku penyelia tesis di atas tunjuk ajar dan juga segala bimbingan yang diberikan sepanjang penulis melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada 31 orang murid tingkatan 2 dari sebuah sekolah menengah di Shah Alam, Selangor atas kesudian untuk menjadi responden bagi kajian ini.



Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga tercinta terutamanya Wan Rozeiman bin Wan Ali (Ayahanda) dan Noor Nazirah binti Kamaru Zaman (Bonda) yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk menyiapkan penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan baik penulis, iaitu Nor Aziemah, Siti Nooroni, Nurul Ain Syafiqah dan Amira atas pertolongan, sokongan serta dorongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung penghargaan dan sekalung budi juga buat semua yang terlibat di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang pengajian penulis di sini.

Sekian, terima kasih.

WAN NORHALIESHA BINTI WAN ROZEIMAN.

(2023)





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis peta i-Think yang digunakan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan kelebihan penggunaan peta i-Think dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan seramai 31 orang murid tingkatan 2 dari sebuah sekolah menengah di Shah Alam, Selangor. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif, iaitu menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan soal selidik bagi mendapatkan data serta menjawab persoalan kajian. Instrumen yang digunakan terdiri daripada borang soal selidik yang diedarkan melalui *google form*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 7 jenis peta i-Think yang digunakan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu. Namun, hanya 2 jenis peta i-Think yang kerap digunakan, iaitu terdiri daripada peta buih dan peta bulatan. Penggunaan peta i-Think ini memberikan kelebihan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu, iaitu peningkatan kefahaman penulisan karangan, menulis isi karangan dengan lebih teliti, lebih fokus dan mudah mengingat serta lebih kreatif dan kritis.

Kata kunci: *Peta i-Think, karangan Bahasa Melayu*





The Use of i-Think Maps to Improve Writing Skill in Malay Language

ABSTRACT

This study was conducted to identify the types of i-Think maps that are used in improving Malay essay writing. This study also aims to describe the advantages of using the i-Think map in improving Malay essay writing. The study involved 31 form two students from a secondary school in Shah Alam, Selangor. Researchers have used a quantitative study, that is using a survey method that involves a questionnaire to collect data and answer the research questions. Instruments used consists of a questionnaire distributed through google form. The finding shows that there are 7 types of i-Think maps that are used to improving Malay essay writing. However, only 2 types of i-Think maps are frequently used. The advantages of using i-Think map in improving the quality of essay writing are strengthen the understanding of essay writing, able to write essay more elaborately, more focused on the writing and able to remember the main points easily as well as more creative and critical in writing.

Keywords: *i-Think maps, Malay essay writing*



ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v-vi
KANDUNGAN	vii-x
SENARAI JADUAL	xi-xiv
SENARAI RAJAH	xv-xviii

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2-5
1.3	Penyataan Masalah	5-6
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	7
1.5	Tujuan Kajian	8
1.6	Objektif Kajian	8
1.7	Soalan Kajian	8
1.8	Batasan Kajian	9-10
1.9	Kepentingan Kajian	10-12



1.10	Definisi Operasional	12
	1.10.1 Penggunaan	12
	1.10.2 Peta i-Think	12-13
	1.10.3 Kemahiran Menulis Karangan	13
	1.10.4 Bahasa Melayu	13
1.11	Kesimpulan	14

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Teori Konstruktivisme	16-18
2.3	Kajian Lepas	18-27
2.4	Kesimpulan	27

Bab 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Pensampelan	29
3.4	Instrumen Kajian	30
	3.4.1 Borang Soal Selidik	30-31
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	31
	3.5.1 Pemilihan Tempat	32



	3.5.2 Soal Selidik	32
	3.5.3 Teks Karangan Murid	32
3.6	Prosedur Analisis Data	33-34
3.7	Penutup	35
Bab 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Analisis Data	37
4.3	Analisis Borang Soal Selidik	37
	4.3.1 Dapatan Maklumar Demografi Responden	37-38
	4.3.2 Dapatan Pengetahuan Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu	39-45
	4.3.3 Dapatan Bahagian Jenis-Jenis Peta i-Think yang digunakan dalam Meningkatkan Penulisan Karangan Bahasa Melayu	46-67
	4.3.4 Dapatan Bahagian Kelebihan Penggunaan Peta i-Think dalam Meningkatkan Penulisan Karangan Bahasa Melayu	68-80
4.4	Analisis Ujian Karangan	80-82
	4.4.1 Ujian Pra	82-83
	4.4.2 Ujian Pasca	84-85
4.5	Kesimpulan	85



Bab 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	86
5.2	Ringkasan Kajian	87
	5.2.1 Jenis-jenis Peta i-Think yang digunakan dalam Meningkatkan Penulisan Karangan Bahasa Melayu	87-89
	5.2.2 Kelebihan Penggunaan Peta i-Think dalam Meningkatkan Penulisan Karangan Bahasa Melayu	89-92
5.3	Implikasi Kajian	92
	5.3.1 Pengkaji	92-93
	5.3.2 Murid	93
	5.3.3 Guru	93
	5.3.4 Sekolah	94
	5.3.5 Masyarakat	94
5.4	Cadangan	94-96
5.5	Kesimpulan	96-97

Rujukan

Lampiran

Borang Soal Selidik



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Analisis Peratusan Responden Berdasarkan Jantina	38
4.2	Analisis Peratusan Responden Berdasarkan Bangsa	38
4.3	Bilangan dan Peratusan Responden yang Minat Menulis Karangan Bahasa Melayu	39
4.4	Bilangan dan Peratusan Responden yang Sukar Mengeluarkan Isi-isi untuk Menulis Karangan	40
4.5	Bilangan dan Peratusan Responden yang Mengetahui Tentang Penggunaan Peta i-Think	42
4.6	Bilangan dan Peratusan Responden Pembelajaran Bahasa Melayu Memberi Kesan	43
4.7	Bilangan dan Peratusan Responden Mengambil Masa Lama untuk Mengeluarkan Isi Karangan	44
4.8	Bilangan dan Peratusan Responden yang Mengetahui Jenis-jenis Peta i-Think Mengikut Fungsi-fungsinya	46
4.9	Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta i-Think Terdiri daripada Lapan Jenis	47
4.10	Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan	48

Peta Bulatan digunakan untuk Mendefinisikan Mengikut Konteks

- | | | |
|------|--|----|
| 4.11 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Buih
digunakan untuk Menerangkan Sesuatu | 49 |
| 4.12 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Buih
Berganda digunakan untuk Membanding Beza | 50 |
| 4.13 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Pokok
digunakan untuk Membuat Pengelasan | 51 |
| 4.14 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Dakap
digunakan untuk Menghuraikan Hubungan Seluruh-bahagian | 52 |
| 4.15 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Alir
digunakan untuk Menghuraikan Urutan | 54 |
| 4.16 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Pelbagai
Alir digunakan untuk Menghuraikan Sebab dan Akibat | 55 |
| 4.17 | Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Peta Titi
digunakan untuk Menghuraikan Analogi | 56 |
| 4.18 | Bilangan dan Peratusan Responden Tahu Menggunakan Peta
i-Think untuk Membantu dalam Menulis Karangan
Bahasa Melayu | 57 |
| 4.19 | Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta
Bulatan untuk Menyenaraikan isi Karangan Bahasa Melayu | 58 |
| 4.20 | Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Buih | 60 |

untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.21 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Buih 61

Berganda untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.22 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Pokok 62

untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.23 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Dakap 63

untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.24 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Alir 64

untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.25 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Pelbagai 65

Alir untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.26 Bilangan dan Peratusan Responden Menggunakan Peta Titi 67

untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu

4.27 Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Peningkatan 68

Kefahaman Terhadap Penulisan Karangan Apabila

Menggunakan Peta i-Think

4.28 Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Penggunaan 69

Peta i-Think Membantu Menulis Isi Karangan dengan

Lebih Teliti

4.29 Bilangan dan Peratusan Responden Mengatakan Penggunaan 70

Peta i-Think Memudahkan untuk Membuat Karangan

4.30	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Peningkatan Kefahaman Penulisan Isi Karangan dengan Adanya Penggunaan Peta i-Think	72
4.31	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think Akan Lebih Efektif kepada Penulisan Murid	73
4.32	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think Dapat Mendorong Saya Lebih Fokus dan Mudah Mengingat dalam Penulisan Karangan	74
4.33	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think Dapat Menarik Minat untuk Menulis	76
4.34	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think Mampu Menjadikan Lebih Kreatif dan Kritis	77
4.35	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think akan Menambah Keyakinan untuk Menulis Karangan Dengan Baik	78
4.36	Bilangan dan Peratusan Responden Mengenai Peta i-Think Membantu Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan	79
4.37	Skala Pemarkahan Ujian Pra dan Pasca	80
4.38	Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	81-82
4.39	Kekerapan dan Peratusan Markah Pencapaian Ujian Pra	82
4.40	Kekerapan dan Peratusan Markah Pencapaian Ujian Pasca	84



SENARAI RAJAH

No. Jadual		Halaman
4.1	Peratusan Responden yang Minat Menulis Karangan Bahasa Melayu	39
4.2	Peratusan Responden yang Sukar Mengeluarkan Isi-Isi untuk Menulis Karangan.	41
4.3	Peratusan Responden yang Mengetahui Tentang Penggunaan Peta i-Think.	42
4.4	Peratusan Responden Pembelajaran Bahasa Melayu Memberi Kesan	43
4.5	Peratusan Responden Mengambil Masa Lama untuk Mengeluarkan Isi Karangan	45
4.6	Peratusan Responden yang Mengetahui Jenis-Jenis Peta i-Think Mengikut Fungsi-fungsinya	46
4.7	Peratusan Responden Mengatakan Peta i-Think Terdiri daripada Lapan Jenis	47
4.8	Peratusan Responden Mengatakan Peta Peta Bulatan digunakan untuk Mendefinisikan Mengikut Konteks	48
4.9	Peratusan Responden Mengatakan Peta Buih digunakan	49



untuk Menerangkan Sesuatu

4.10	Peratusan Responden Mengatakan Peta Buih Berganda digunakan untuk Membanding Beza	50
4.11	Peratusan Responden Mengatakan Peta Pokok digunakan untuk Membuat Pengelasan	51
4.12	Peratusan Responden Mengatakan Peta Dakap digunakan untuk Menghuraikan Hubungan Seluruh-Bahagian	53
4.13	Peratusan Responden Mengatakan Peta Alir digunakan untuk Menghuraikan Urutan	54
4.14	Peratusan Responden Mengatakan Peta Pelbagai Alir digunakan untuk Menghuraikan Sebab Dan Akibat	55
4.15	Peratusan Responden Mengatakan Peta Titi digunakan untuk Menghuraikan Analogi	56
4.16	Peratusan Responden Tahu Menggunakan Peta i-Think untuk Membantu dalam Menulis Karangan Bahasa Melayu	57
4.17	Peratusan Responden Menggunakan Peta Bulatan untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	59
4.18	Peratusan Responden Menggunakan Peta Buih untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	60
4.19	Peratusan Responden Menggunakan Peta Buih Berganda untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	61

4.20	Peratusan Responden Menggunakan Peta Pokok untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	62
4.21	Peratusan Responden Menggunakan Peta Dakap untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	63
4.22	Peratusan Responden Menggunakan Peta Alir untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	64
4.23	Peratusan Responden Menggunakan Peta Pelbagai Alir untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	66
4.24	Peratusan Responden Menggunakan Peta Titi untuk Menyenaraikan Isi Karangan Bahasa Melayu	67
4.25	Peratusan Responden Mengenai Peningkatan Kefahaman Terhadap Penulisan Karangan Apabila Menggunakan Peta i-Think	68
4.26	Peratusan Responden Mengatakan Penggunaan Peta i-Think Membantu Menulis Isi Karangan Dengan Lebih Teliti	69
4.27	Peratusan Responden Mengatakan Penggunaan Peta i-Think Memudahkan untuk Membuat Karangan	71
4.28	Peratusan Responden Mengenai Peningkatan Kefahaman Penulisan Isi Karangan Dengan Adanya Penggunaan Peta i-Think	72
4.29	Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think akan Lebih Efektif Kepada Penulisan Murid	73
4.30	Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think	75

Dapat Mendorong Saya Lebih Fokus dan Mudah Mengingat
Dalam Penulisan Karangan

4.31 Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think 76

Dapat Menarik Minat untuk Menulis

4.32 Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta i-Think 77

Mampu Menjadikan Lebih Kreatif Dan Kritis

4.33 Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Peta I-Think 78

Akan Menambah Keyakinan Untuk Menulis Karangan
dengan Baik

4.34 Peratusan Responden Mengenai Peta i-Think Membantu 79

Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan

4.35 Peratusan Markah Pencapaian Ujian Pra 83

4.36 Peratusan Markah Pencapaian Ujian Pasca 84



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Dalam bab 1 ini, pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional berkaitan kajian yang dijalankan, iaitu berkaitan “Penggunaan Peta i-Think dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu”. Justeru, pengkaji akan membincangkan serta menghuraikan setiap subtopik berikut secara terperinci dalam bab ini. Pengkaji juga akan merumuskan secara keseluruhan kandungan dalam bab ini pada akhir bab 1.



1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan antara bahasa penting yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu meliputi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis serta kemahiran aspek tatabahasa. Aspek- aspek kemahiran ini juga turut dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kemahiran penulisan karangan merupakan salah satu aspek yang perlu dikuasai oleh murid. Hal ini demikian kerana, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran bahasa yang sukar untuk dikuasai oleh setiap murid. Dalam menghasilkan sesebuah penulisan karangan, penggunaan kaedah, strategi dan teknik penulisan yang betul perlu dikuasai oleh murid. Kenyataan ini turut disokong oleh Tan Theam Seng (2002), yang mengatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang sukar dan hanya dapat dikuasai oleh para pelajar terlebih dahulu sebelum mereka dapat menyampaikan pendapat atau idea-idea mereka kepada pembaca atau khalayak dengan berkesan.

Proses penulisan karangan memerlukan seseorang individu untuk berfikir semasa merancang penulisan, semasa menulis dan selepas penulisan dihasilkan (Rothstein & Lauber 2007). Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari (2006) mengatakan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa yang selari dengan kehendak kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM), karangan merupakan wacana (teks bertulis), yang memerihalkan tema atau tajuk tertentu, dengan kepanjangan tertentu, dan memperlihatkan format persembahan yang

mengandungi satu perenggan pengenalan, beberapa perenggan isi, dan satu perenggan penutup.

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad Fikri Ab. Rahman dan Zamri Mahamod (2019) pula menyatakan bahawa murid diajar dan dibimbing untuk menulis secara ansur maju dari penulisan abjad, kata, frasa hinggalah wacana yang mampu membentuk penulisan karangan. Justeru, penggunaan kaedah yang betul dan bersesuaian perlu diterapkan dalam kalangan murid selari dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21).

Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ialah satu inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang telah diinovasikan selari dengan peredaran masa. Wardyawaty Rajikal dan Mohd Isa Hamzah, (2020) menjelaskan bahawa Pengajaran Abad ke-21 (PAK21) merupakan pendekatan yang sesuai sejajar dengan era globalisasi dalam melahirkan generasi yang berkemahiran dan kompeten. Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman dan Khairul Anuar Bahrin (2019) mengatakan bahawa bagi mengubah persepsi murid, guru perlu memainkan peranan membentuk minat murid agar lebih menumpukan perhatian dalam PdPc.

Penggunaan peta i-Think ini telah diperkenalkan oleh Dr. David Hyerle. Peta i-Think ini boleh digunakan dan difahami dengan mudah oleh murid serta dapat membantu mereka dalam menghasilkan penulisan karangan yang baik. Peta i-Think merupakan satu elemen pembelajaran abad ke-21 yang boleh digunakan dalam membantu meningkatkan kemahiran penulisan karangan Bahasa Melayu. Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin dan Amran Bakar (2016) menjelaskan bahawa peta pemikiran menggunakan kaedah otak manusia untuk memproses dan mengorganisasikan maklumat. Secara semula jadi, otak dapat mengesan pola,



seterusnya membina pola atau peta terhadap maklumat yang diterima oleh deria penglihatan atau pendengaran untuk mendiskriminasi, mengketogori dan menyusun semula maklumat.

Penggunaan peta i-Think dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu kaedah yang dapat membantu murid dalam menulis karangan dengan baik. Dalam masa yang sama, penggunaan peta i-Think ini juga merupakan satu aspek yang direalisasikan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Justeru, Jabatan Perdana Menteri telah meminta Agensi Inovasi Malaysia (AIM) untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkenalkan program i-Think di sekolah sekaligus dapat membudayakan kemahiran berfikir ini.



Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah kemahiran berfikir yang memerlukan murid untuk berfikir di luar kotak. Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017), mengatakan bahawa kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan suatu agenda penting di dalam sistem pendidikan di Malaysia masa kini selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Peta i-Think ini terbahagi kepada lapan jenis, iaitu peta bulatan, peta buih, peta buih berganda, peta dakap, peta pokok, peta alir, peta pelbagai alir dan peta titi. Lazimnya, jenis-jenis peta i-Think ini akan digunakan mengikut kesesuaian penggunaannya. Terdapat lima ciri utama peta i-Think, iaitu peta i-Think merupakan pola visual yang tekak, mempunyai bentuk yang fleksibal, penggunaan peta pemikiran secara berkembang maju, bersifat bersepadu dan antara disiplin ilmu serta bersifat reflektif, metakognitif, dan digunakan untuk pentaksiran.



Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah berbentuk kajian kuantitatif. Kajian yang dilaksanakan ini tertumpu kepada penggunaan kaedah yang berkesan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan kajian terhadap penggunaan peta i-Think dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan dua objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu untuk mengenal pasti jenis-jenis peta i-Think yang digunakan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu dan menghuraikan kelebihan penggunaan peta i-Think dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian yang dilaksanakan ini adalah berkaitan dengan penggunaan peta i-Think. Penggunaan peta i-Think ini adalah sangat penting dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Justeru, kajian ini dijalankan setelah pengkaji meneliti dan mengamati beberapa isu yang timbul dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu ini. Dalam kajian ini, terdapat dua permasalahan kajian yang ingin pengkaji kemukakan.

Isu pertama yang boleh diketengahkan ialah kebanyakan murid tidak mampu mengolah isi dengan baik dalam menulis karangan Bahasa Melayu. Permasalahan ini akan menyebabkan penguasaan terhadap kemahiran penulisan karangan, iaitu murid tidak dapat mengolah ayat dengan gramatis. Kajian yang dilaksanakan oleh Norul Haida Redzuan (2014) menunjukkan bahawa setiap kali guru memeriksa karangan, didapati hanya segelintir murid yang menulis dengan baik manakala sebilangan lagi menulis tanpa arah dan tersangkut-sangkut.




Permasalahan ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Anthony Aloysius Akup dan Yahya Othman (2017), iaitu antara kelemahan yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan ialah masalah isi yang diutarakan oleh murid masih tidak relevan dengan tugas yang diberikan. Hal ini disebabkan oleh murid masih kurang mahir dalam mengenal pasti dan mengutarakan idea yang sepatutnya dalam penulisan karangan berdasarkan kehendak soalan.

Isu yang kedua pula adalah berkaitan dengan strategi pengajaran yang digunakan oleh segelintir guru Bahasa Melayu yang didapati tidak berkesan. Segelintir guru masih menggunakan kaedah atau pendekatan pengajaran secara tradisional dalam pengajaran yang dilaksanakan. Isu ini timbul mungkin kerana kurangnya pendedahan tentang kelebihan serta kepentingan penggunaan peta i-Think dalam proses pengajaran. Permasalahan ini selari dengan kajian oleh Chew Fong Peng dan Siti Syahirah Yusof (2021) yang mendapati bahawa kebanyakan guru masih mengamalkan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu lebih banyak berpusatkan guru. Fenomena ini menyebabkan objektif Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang sedang dijalankan bukan sahaja tidak tercapai, tetapi juga melahirkan murid yang pasif secara tidak langsung.

Oleh itu, para guru perlu menginovasikan strategi pengajaran penulisan karangan dengan menggalakkan penggunaan peta i-Think ini. Hal ini kerana, penggunaan peta i-Think ini dapat memudahkan murid untuk mengemukakan isi-isi untuk penulisan karangan Bahasa Melayu. Dalam masa yang sama, penggunaan peta i-Think ini juga dapat membantu murid dalam meningkatkan tahap pemikiran mereka, iaitu daripada tahap rendah ke tahap pemikiran tinggi.



1.4 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian



1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis peta i-Think yang digunakan serta menghuraikan kelebihan-kelebihan penggunaannya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. Justeru, dalam kajian ini pengkaji amat berharap agar kajian yang dilaksanakan ini dapat memenuhi tujuan-tujuan yang telah ditetapkan.

1.6 Objektif Kajian

1. Menenal pasti jenis-jenis peta i-Think yang digunakan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu.
2. Menghuraikan kelebihan penggunaan peta i-Think dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu.



1.7 Soalan Kajian

Selari dengan objektif kajian ini, dua soalan kajian cuba dijawab dalam kajian ini, iaitu:

1. Apakah jenis-jenis peta i-Think yang digunakan dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu?
2. Apakah kelebihan penggunaan peta i-Think dalam meningkatkan penulisan karangan Bahasa Melayu?



1.8 Batasan Kajian

Penggunaan aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 (Pak-21) dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat sesuai untuk membantu meningkatkan semua kemahiran dalam konteks pendidikan. Terdapat pelbagai aktiviti, teknik dan kaedah menarik dalam Pembelajaran Abad ke-21 yang boleh dijadikan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan kajian terhadap penggunaan Peta i-Think sahaja dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan. Penggunaan peta i-Think ini boleh diaplikasikan oleh semua murid pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Namun begitu, pengkaji hanya membataskan kajian dalam kalangan sekolah menengah sahaja. Justeru, kajian ini hanya terbatas kepada 31 orang murid tingkatan 2 di sebuah sekolah di Shah Alam, Selangor.

Skop kajian hanya terbatas terhadap subjek Bahasa Melayu sahaja. Justeru, kesemua kemahiran yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Melayu akan terlibat secara tidak langsung, namun hanya akan disentuh secara menyeluruh sahaja. Kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap kemahiran murid dalam menstruktur kerangka karangan dengan menggunakan peta i-Think bagi menghasilkan sesebuah karangan yang baik. Jadi, dalam erti kata lain, kajian ini lebih tertumpu kepada kemahiran menulis karangan.

Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya membataskan kajian terhadap bagaimana kaedah yang digunakan oleh murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu. Pengkaji akan melihat tentang peranan guru dalam pengajaran penulisan karangan. Kajian ini juga akan mencakupi

pengetahuan murid tentang penggunaan peta i-Think berdasarkan borang soal selidik yang pengkaji sediakan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau yang terlibat secara tidak langsung, iaitu terdiri daripada murid, guru dan sekolah.

Antara kepentingan kajian ini yang pertama adalah kepada murid. Penggunaan peta i-Think dalam penulisan karangan dapat membantu murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Hal ini demikian kerana, penggunaan peta i-Think ini akan menyebabkan murid akan bersungguh-sungguh dalam mengisi kekosongan maklumat atau isi dalam peta i-Think tersebut. Justeru, secara tidak langsung mereka akan terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara aktif.

Selain itu, kajian ini juga memberi kepentingan terhadap diri murid kerana kajian yang dilaksanakan ini dapat membekalkan beberapa maklumat mengenai jenis-jenis peta i-Think yang digunakan bagi membantu murid menghasilkan penulisan karangan Bahasa Melayu yang baik. Dengan adanya kajian berkaitan peta i-Think ini, mereka dapat mengetahui beberapa jenis peta i-Think yang sesuai digunakan dalam membantu mereka merangka isi karangan dengan baik.

Penggunaan peta i-Think ini juga dapat membantu para murid dalam menghasilkan kerangka karangan dengan baik. Hal ini demikian kerana, penggunaan peta i-Think ini merupakan satu kaedah kreatif yang terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Justeru, peta i-Think ini merupakan satu kaedah yang sangat baik bagi membantu murid menulis karangan secara berstruktur dan lebih berfokus. Dengan adanya penggunaan peta i-Think ini, murid akan menulis karangan dengan lebih baik dan mudah berpandukan kerangka karangan yang telah disediakan pada peta i-Think tersebut.

Antara kepentingan lain kajian ini adalah kepentingan terhadap guru. Kajian yang dilaksanakan ini dapat membantu para guru untuk melaksanakan pendekatan pengajaran yang sesuai bagi meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu. Dalam masa yang sama, kajian ini juga dapat memberikan pendedahan kepada guru tentang kelebihan penggunaan peta i-Think dalam mengajar penulisan karangan Bahasa Melayu. Justeru, dengan adanya maklumat tentang peta i-Think ini dapat membantu guru dalam menggalakkan murid untuk menggunakan peta i-Think dalam proses menulis karangan.

Kajian yang dilaksanakan ini turut berkepentingan dan dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah. Pengaplikasian peta i-Think dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan lebih efektif dan sistematik. Penggunaan peta i-Think sebagai salah satu bahan bantu mengajar di sekolah berkemungkinan besar akan meningkatkan prestasi murid dalam proses pembelajaran.



Dengan adanya peningkatan prestasi murid dalam proses pembelajaran di sekolah akan menyebabkan imej atau prestasi sekolah yang terlibat turut tercalit sebagai sebuah sekolah yang berprestasi tinggi. Hal ini demikian kerana, peningkatan prestasi sesebuah sekolah merupakan satu hasrat kerajaan yang perlu dipenuhi bagi melahirkan para murid yang cemerlang dalam pembelajaran.

1.10 Definisi Operasional

Kajian yang dilaksanakan ini lebih bermakna sekiranya pengkaji memahami beberapa istilah yang diaplikasikan dalam kajian ini. Justeru, istilah-istilah seperti penggunaan, peta i-Think, kemahiran menulis karangan dan Bahasa Melayu telah digunakan untuk tujuan kajian ini.



1.10.1 Penggunaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), penggunaan ialah perihal, kegiatan atau perbuatan menggunakan sesuatu.

1.10.2 Peta I-Think

Peta i-Think adalah salah satu kaedah, teknik atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam pengajaran Abad ke-21 (PAK21). Peta i-Think yang diperkenalkan oleh Dr. David Hyerle (2011) ini telah dipersembahkan dalam bentuk visual yang sudah pasti mudah diguna pakai dan difahami oleh murid serta guru. Jadi jelaslah bahawa peta i -think ini merupakan salah satu kaedah yang boleh



digunakan dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan peta i-Think ini memerlukan murid untuk berfikir di luar kotak bagi mengeluarkan idea.

1.10.3 Kemahiran Menulis Karangan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), kemahiran ialah kecekapan atau kepandaian. Seterusnya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), menulis ialah mencatat kata-kata dengan huruf dan memakai pena. Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin dan Idris Mh Radzi (2015), mengatakan bahawa menulis merupakan satu kemahiran asas yang penting dalam usaha untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Menurut Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari (2006), kemahiran menulis adalah kemahiran yang melibatkan kemahiran kognitif dan linguistik, termasuk aspek mekanis, proses, dan pembaca.

1.10.4 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa yang tergolong dalam rumpun Austronesia. Di Malaysia, Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia. Dalam masa yang sama, Bahasa Melayu ini dituturkan secara meluas oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Namun begitu, Bahasa Melayu dalam kajian ini adalah merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat penggunaan peta i-Think dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. Penggunaan peta i-think merupakan satu teknik yang berkesan dalam membantu murid-murid untuk mencungkil idea bagi menulis karangan. Dalam masa yang sama, murid juga dapat mengolah isi karangan dengan lebih kemas dan teratur. Justeru, kajian “Penggunaan Peta I-Think dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu” diharap dapat dijalankan dengan baik dan semoga proses pelaksanaannya berjalan dengan lancar. Kajian ini sudah pasti dapat memberi info kepada murid tentang jenis-jenis dan kelebihan penggunaan i-Think dalam kemahiran menulis karangan. Dalam masa yang sama, diharapkan juga semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru, khususnya dalam mengetahui inisiatif yang terbaik untuk mengajar kemahiran menulis karangan murid.